

MINI EBOOK *FACEBOOK* MONETIZATION

| *Kemas Kini Ebook Facebook Monetization*

11 Kemas Kini Terkini

10 Niche Konten CPM Tertinggi

Bonus: **Agreement** + **LOD** Template

— DITULIS OLEH —

AMAR



TABLE OF CONTENTS

ISI KANDUNGAN

1	Kemas Kini Ebook Jom Buat Duit Dengan Facebook Monetization <i>11 update terkini pasal Facebook monetization yang anda perlu tahu</i>	3 MULA
2	10 Niche Konten CPM Paling Tinggi <i>Rahsia niche yang paling berbaloi untuk Facebook monetization</i>	37 MULA
3	Sample Agreement Kawtim <i>Template agreement bernilai RM2,000 + tips guaman</i>	45 MULA
4	LOD Pelanggaran Copyright <i>Cara hantar Letter of Demand kepada pencuri konten</i>	60 MULA



— BAHAGIAN SATU —

01



KEMAS KINI EBOOK FACEBOOK MONETIZATION

*11 update terkini pasal Facebook monetization yang anda
perlu tahu — daripada Content Monetization sehingga 10,000
follower requirement*



Ebook induk iaitu ebook **Jom Buat Duit Dengan Facebook Monetization** saya tulis hampir setahun lepas. Paparan, peraturan dan aturan Facebook kerap berubah-ubah. Kadang-kadang sebulan sampai 2, 3 kali berubah. Oleh itu, di dalam mini ebook ini saya tulis dan jelaskan perkara-perkara terkini mengenai Facebook monetization yang perlu anda tahu.

Saya tak mahu ubah ebook induk supaya pembaca dapat mengambil intipati dan inspirasi daripada paparan, peraturan dan aturan Facebook yang lama. Ini akan menjadikan pembaca memahami dan mengetahui '*roh*' dan gambaran keseluruhan mengenai Facebook monetization. Oleh itu, pembaca akan menjadi lebih cekap dan kritis dalam hal Facebook monetization.

Sebelum membaca mini ebook ini, anda seharusnya membaca terlebih dahulu ebook induk iaitu ebook **Jom Buat Duit Dengan Facebook Monetization**.



Ebook induk: Jom Buat Duit Dengan Facebook Monetization

Bagi anda yang belum ada ebook induk tersebut, sila dapatkannya dengan klik button di bawah:

 **KLIK SINI DAPATKAN EBOOK INDUK**

Kemas kini maklumat ebook **Jom Buat Duit Dengan Facebook Monetization** adalah seperti di bawah:



KEMAS KINI #1

Istilah Baru: Content Monetization

Di dalam ebook induk saya telah ajar mengenai *in-stream ads* dan sebagainya. Sekarang istilah tersebut sudah tiada. Ia digantikan dengan istilah **Content Monetization (CM)**. Walau bagaimanapun, peraturan, syarat, keperluan dan prinsipnya adalah sama sahaja. Ia dinamakan sebagai *content monetization* menandakan bahawa akaun Facebook/page anda layak untuk monetize video, gambar, story, star dan sebagainya.



KEMAS KINI #2

Semua Video Dijenamakan Sebagai Reel

Sebelum ini, posting kategori video ada 2 jenis iaitu **VIDEO (FEED)** dan **REEL**. Saya ada jelaskan hal ini di dalam ebook induk. CPM kedua-duanya juga berbeza. Sekarang kedua-duanya telah dijenamakan sebagai **reel** sahaja. Walau bagaimanapun, peraturan monetization mengenai reel ini sekarang telah berubah iaitu, durasi reel mestilah **10 saat dan ke atas**. Dengan ini, barulah reel tersebut layak untuk anda monetize. Ini bermakna, jika reel anda bawah 10 saat, ia tidak dapat menjana wang monetization.

Selain itu, di dalam ebook induk juga saya ada ajar salah satu teknik untuk tingkatkan lagi income monetization iaitu, VIDEO (FEED) anda post juga sebagai REEL. Ini bermakna anda menggunakan video yang sama untuk menjana 2 jenis income iaitu income VIDEO (FEED) dan income REEL.

Akan tetapi, disebabkan sekarang ini apa sahaja jenis video semuanya dijenamakan sebagai REEL, maka mungkin tips ini tidak lagi relevan. Sebenarnya sebelum ini, pihak META sendiri yang menggalakkan content creator yang post VIDEO (FEED), dia post juga video yang sama sebagai REEL. Tetapi anehnya saya telah dapati bahawa ada kes content creator yang buat begini, kelayakan monetization mereka ditarik balik atas alasan melanggar peraturan iaitu membuat '*reuse*' atau '*repurpose*' content.

Pihak META tak benarkan reupload video yang sudahpun berada di platform mereka. Walhal pihak META sendiri yang menggalakkan content creator reupload VIDEO (FEED) sebagai REEL.



KEMAS KINI #3

Story Pun Boleh Di-Monetize


Sekarang orang yang sudah layak content monetization juga dapat monetize **story**. Saya dapati CPM video jenis story adalah agak tinggi. Jangan lupa lepas upload video sebagai reel, anda share juga video tersebut sebagai story. Ini bermakna, video yang sama anda akan mendapat **2 jenis income** iaitu income reel dan story.



KEMAS KINI #4

Affiliate Shopee Dalam Facebook

Ada 2 jenis affiliate yang boleh dibuat di Facebook. **Pertama** ialah affiliate seperti biasa seperti yang saya ajar di dalam ebook induk. **Kedua** ialah affiliate yang mana pihak Facebook sendiri telah bekerjasama dengan pihak Shopee. Pihak Facebook telah memasukkan sistem affiliate Shopee ke dalam platform Facebook. Affiliate kedua ini membolehkan anda masukkan link affiliate anda ke dalam bahagian komen posting video dan gambar seperti ini:



Affiliate Shopee dalam komen Facebook

Sila klik button di bawah untuk menonton video tutorial cara-cara untuk setting affiliate jenis kedua ini.

▶ **TONTON VIDEO TUTORIAL**

Setelah selesai setting ini, pihak Shopee mungkin akan menghantar notifikasi kepada akaun Shopee anda dan meminta anda untuk membuat pengesahan tertentu.



KEMAS KINI #5


Setting Lokasi Akaun Facebook

Kebelakangan ini saya dapati ada beberapa orang yang tak boleh tukar akaun Facebook peribadi kepada '*professional mode*'. Selain itu, akaun Facebook peribadi atau page mereka juga tak layak untuk monetize walaupun sudah penuhi syarat-syarat yang lain. Setelah saya selidik, mereka telah sengaja setting akaun Facebook mereka kepada lokasi negara yang tidak layak untuk monetize seperti negara Yaman. Selain itu, ada juga yang memang berada di negara-negara yang tidak layak untuk monetize. Oleh itu, anda perlu pastikan bahawa anda setting lokasi akaun Facebook anda kepada negara yang layak untuk monetize iaitu **Malaysia**.

Cara-cara setting lokasi antaranya adalah seperti berikut:


1

Klik "About"




2

Klik "See your About info"



3

Edit lokasi kepada Malaysia





KEMAS KINI #6

Payout Setting Yang Terkunci


Saya dapati banyak kes orang tak boleh isi atau tak boleh ubah bahagian **payout setting** untuk menukar nama dan butiran lain.

Ada 2 sebab mengapa terjadi begini:


Pertama, adalah kerana sistem atau peraturan Facebook sekarang, selepas layak untuk monetize, anda perlu capai atau kumpul jumlah wang sebanyak **25 USD** terlebih dahulu. Selepas itu barulah anda dapat mengisi bahagian payout setting.

Kedua, adalah kerana sebelum ini anda pernah mengisi bahagian payout setting. Sistem keselamatan Facebook telah 'lock' bahagian payout setting tersebut untuk menghalang scammer atau hacker edit bahagian tersebut. Untuk kes sebegini, anda perlu menghantar emel kepada pihak Facebook dan membuat permohonan untuk '*unlock*' bahagian tersebut bagi membolehkan anda mengubah butiran.

Cara-cara untuk menghantar emel kepada pihak Facebook adalah seperti berikut:



Di bahagian setting payout, klik **Get help** untuk menghantar emel



Kemudian klik bahagian ini untuk menghantar emel

i Sekiranya masalah ini masih tidak dapat diselesaikan, anda boleh beli **'blue tick'** atau **Meta Verified** yang membolehkan anda berhubung dan chat dengan *'real human'* Meta Support. Ketika chatting, anda boleh lapor dan minta tolong dia selesaikan apa-apa sahaja masalah anda mengenai Facebook.

Sila rujuk ebook induk untuk mengetahui cara-cara untuk beli 'blue tick' atau Meta Verified dan cara-cara untuk chatting dengan Meta Support.



KEMAS KINI #7

Button 'Follow' Di Komen

Ramai juga orang yang tanya saya bagaimanakah caranya untuk ada button **'Follow'** di sebelah nama kita ketika kita komen di posting pengguna Facebook yang lain seperti gambar di bawah ini.



Button Follow di sebelah nama komen

Button ini akan memudahkan dan menyebabkan ramai orang klik dan follow kita.

Ada ramai "*sifu*" yang beri tips bagaimana untuk setting bagi mendapatkan button ini. Tetapi, hakikatnya **tiada setting mengenai perkara ini**. Ia adalah satu perkara yang random. Asalkan anda aktif berkomen dan berinteraksi, maka sekali-sekala button 'Follow' ini akan muncul di sebelah nama anda.


Walau bagaimanapun, untuk membolehkan ia muncul, anda perlu betulkan dahulu setting dalaman akaun Facebook anda sebab mungkin anda pernah terubah setting tersebut. Rujuk panduan di bawah:

1 Klik icon profile




2

Klik "Settings & privacy"




3

Klik "Settings"




4

Klik "Followers and public content"



5

Enable semuanya menjadi PUBLIC




PENTING: Kalau setting bukan **PUBLIC**, sebenarnya engagement konten pun akan terjejas.

*KEMAS KINI #8*


Posting Mesti Set Kepada 'Public'

Ada orang yang hairan semua posting di akaun Facebook peribadi dia tak dapat engagement yang memberangsangkan. Setelah saya periksa, rupa-rupanya semua posting dia set kepada '**Friends**' sahaja. Sepatutnya dia set kepada '**Public**' supaya semua orang boleh nampak posting tersebut. Jika viral, konten tersebut akan sampai kepada follower termasuk kepada bukan follower.

Sila pastikan posting anda dalam pilihan '**Public**' seperti ini sebelum membuat hantaran konten.




Pastikan posting dalam pilihan Public



Reel settings Public






KEMAS KINI #9

Video AI – Goldmine Baharu

Pada masa sekarang, konten jenis **video AI** sedang meletop, berbaloi dan mudah untuk dapat income monetization yang lumayan. **Modal sangat kecil, tapi untung berganda!** Saya pernah ajar kawan saya buat konten video AI. Dalam masa sebulan sahaja dia telah mendapat lebih **RM30,000**.



Lihat figure income kawan saya ni:



Bukti income Facebook Pay: RM31,551 dalam sebulan


“

Video AI adalah ibu kepada segala konten — kita boleh buat apa sahaja menggunakan AI.

Bagi saya, konten video AI adalah *ibu kepada segala konten* kerana kita boleh buat apa sahaja jenis konten video menggunakan AI. Hampir semua jenis kejadian dan peristiwa kita boleh hasilkan. Perkara-perkara

pelik dan mustahil pun kita boleh reka. Sebab inilah konten video AI mudah untuk mendapat view dan engagement justeru dapat menjana income monetization yang lumayan.

Contoh konten video AI saya. Gajah berlawan dengan ular besar:



Video AI gajah dengan ular besar — 17 juta views

Di dalam mini ebook ini juga saya ada ajar dan dedahkan mengenai **10 niche konten CPM paling tinggi** pada topik seterusnya. Ya! Kesemua 10 niche konten tersebut juga anda boleh buat menggunakan AI!

Teknologi dan kualiti AI ini sentiasa berkembang dan semakin maju dari semasa ke semasa. Oleh itu, tak rugi anda belajar cara-cara buat video menggunakan AI dan jadi orang terawal yang menguasainya.

Ramai sifu yang buat kelas cara-cara nak buat video AI. Tapi tak semua dapat mengajar cara-cara buat video AI yang dapat menghasilkan view dan engagement yang tinggi di Facebook dan menjana income monetization lumayan. Jika semakin ramai orang yang buat konten AI, saya khuatir nanti CPM konten AI akan jatuh dan menyebabkan ia tidak dapat lagi menjana income monetization yang lumayan.

Oleh itu, terus terang saya beritahu jika anda nak belajar cara-cara buat video AI yang dapat menjana income lumayan dengan saya, saya akan caj sekurang-kurangnya **RM2,000**. Kos ini mungkin tinggi. Ini disebabkan, selain ilmu AI yang saya ada adalah bersifat *rahsia dan eksklusif* kerana ia dapat menjana income monetization yang lumayan. Selain itu, caj yang agak tinggi ini juga bagi memastikan tidak ramai orang yang buat konten video AI supaya CPM konten video AI tidak terjejas.



AMARAN: Tanpa teknik yang betul untuk buat konten video AI, bukan sahaja ia tak dapat menjana wang monetization yang lumayan, lebih teruk lagi akaun Facebook/page anda boleh kena tindakan oleh pihak META seperti akaun Facebook/page kena ban/delete kerana melanggar peraturan META yang tertentu.

Oleh itu, jika anda nak belajar teknik yang betul untuk buat video AI dengan saya, anda boleh menghantar WhatsApp kepada nombor **013-3561772** atau klik button di bawah:

 **WHATSAPP COACHING AI**





KEMAS KINI #10

Angry Reaction Hilangkan Monetization

Tahukah anda bahawa sekarang ini jika konten kita mendapat banyak **'angry' reaction**, konten tersebut tidak layak untuk kita monetize.



Konten dengan banyak angry reaction


Oleh itu, berhati-hati apabila buat konten. Jangan sampai dapat banyak angry reaction. Kadang-kadang bukannya orang marah kepada anda, tapi orang marah kepada orang di dalam konten tersebut. Misalnya konten tentang kejahatan penjenayah. Selain itu, seeloknya anda **block** orang yang tak pasal-pasal suka beri angry reaction pada konten anda.

*KEMAS KINI #11*

Syarat Baru: 10,000 Followers

Syarat kelayakan monetization — Di dalam ebook induk, saya telah jelaskan dengan terperinci mengenai syarat-syarat untuk melayakkan anda untuk monetize konten. Secara dasarnya, syarat dan budi bicaranya masih sama. Cuma ada sedikit perubahan terutamanya berkaitan dengan syarat follower.

Sebelum ini, anda mesti ada sekurang-kurangnya **5,000 follower** sama ada di akaun Facebook peribadi atau di page. Sekarang anda mesti ada sekurang-kurangnya **10,000 follower**. Ini bermakna, jika anda mahu monetize akaun Facebook peribadi, anda perlu ada 10,000 follower dan jika anda mahu monetize page, anda perlu ada 10,000 follower juga. Rujuk paparan ringkas ini:



Content monetization criteria

Ini adalah antara syarat yang dipaparkan pada bahagian insight akaun Facebook. Saya ambil paparan ini dari page kawan saya.

Dipaparkan juga di situ syarat baru di mana akaun Facebook peribadi atau page anda perlulah berusia sekurang-kurangnya **30 hari** dan anda mestilah post sekurang-kurangnya **3 video/reel dalam tempoh 90 hari**.

Walau bagaimanapun, seperti yang saya jelaskan atau dedahkan di dalam ebook induk, sebenarnya sesiapa sahaja berpeluang untuk dapat kelayakan monetization ini walaupun dia tak cukup syarat seperti ini. Anda boleh rujuk ebook induk saya tersebut.



P/S: Oh ya, di dalam ebook induk tersebut saya juga ada ajar tentang cara-cara untuk *'grow'* page. Ia amat berguna untuk mempercepatkan anda mencapai 10,000 follower.



— BAHAGIAN DUA —

02



10 NICHE KONTEN CPM PALING TINGGI

Rahsia 10 jenis niche konten video yang mempunyai CPM paling tinggi — dari Parenting sehingga Finance & Investing




Di dalam ebook induk, saya ada berikan sebanyak **105 idea konten video** dan cara-cara untuk buat konten tersebut. Di dalam ebook mini ini saya ingin dedahkan rahsia **10 jenis niche konten video yang mempunyai CPM paling tinggi**. Sila rujuk ebook induk untuk mengetahui mengenai ilmu CPM pada tajuk *PERIHAL CPM*.

“


CPM tinggi bermaksud walaupun view sikit, tetapi income banyak.

Untuk anda benar-benar faham kenapa CPM tu penting, jom kita tengok perbandingan dua video yang sama-sama viral tapi beza income macam langit dan bumi:





Tengok video pertama ni. 113,000 view dia hanya dapat sebanyak **2.55 USD** iaitu sebanyak RM11.

Overview Audience

 **We didn't detect any content issues**
Great job! Your content's reach is optimized. [Learn more](#)

Overview ⓘ

113K Views	\$2.55 Earnings
00:07 Average watch time	5,778 Engagement


 **This post has 1x your typical views** 
See why and learn how to improve

Views ⓘ

113,000 views = 2.55 USD (RM11) sahaja

Tengok pula video kedua ni. 84,175 view sahaja dia sudah dapat sebanyak **158.37 USD** iaitu sebanyak RM663.

 This section's insights are now updated live! 

 **We didn't detect any content issues**
Great job! Your content's reach is optimized. [Learn more](#)

Overview

84,175
Views

\$158.37
Earnings

16,913
Engagement

 **This post has +4925.7x your typical views** 

See why and learn how to improve

Views

84,175 views = 158.37 USD (RM663)

i Beza seperti langit dan bumi bukan?

Inilah pentingnya anda belajar ilmu CPM dan mengetahui niche konten video yang mempunyai CPM tinggi supaya income monetization anda berbaloi dan tinggi.

Baiklah, mari saya dedahkan 10 niche konten video tersebut. Setelah sekian lama membuat kajian dan pemerhatian, saya telah dapati bahawa niche konten video seperti berikut mempunyai CPM yang paling tinggi:

**TEMPAT KE-10**

PARENTING AND FAMILY

Keibubapaan dan Keluarga

\$ **CPM:** 3 USD – 7 USD (*RM12 – RM29 per 1,000 tontonan*)

Contoh konten: *Cara-cara tidurkan bayi.*

TEMPAT KE-9

GAMING – COMPETITIVE / ESPORTS

Permainan Video

\$ **CPM:** 3 USD – 8 USD (*RM12 – RM33 per 1,000 tontonan*)

Contoh konten: *Live streaming permainan video.*



 TEMPAT KE-8

LUXURY, FASHION AND BEAUTY

Kemewahan, Fesyen dan Kecantikan

 **CPM:** 4 USD – 10 USD (*RM17 – RM42 per 1,000 tontonan*)

Contoh konten: *Review tentang kasut berjenama keluaran terbaru.*

 TEMPAT KE-7

AUTOMOTIVE

Automotif

 **CPM:** 5 USD – 10 USD (*RM21 – RM42 per 1,000 tontonan*)

Contoh konten: *Tips penjagaan kereta.*

 TEMPAT KE-6

HEALTH, FITNESS AND WELLNESS

Kesihatan, Kecergasan dan Kesejahteraan

 **CPM:** 4 USD – 10 USD (*RM17 – RM42 per 1,000 tontonan*)

Contoh konten: *Tips penjagaan kesihatan.*

 TEMPAT KE-5

EDUCATION AND E-LEARNING

Pendidikan dan E-Pembelajaran

\$ CPM: 4 USD – 10 USD (*RM17 – RM42 per 1,000 tontonan*)

Contoh konten: Teknik untuk menghafal pelajaran.

 TEMPAT KE-4

BUSINESS AND ENTREPRENEURSHIP

Perniagaan dan Keusahawanan

\$ CPM: 6 USD – 12 USD (*RM25 – RM50 per 1,000 tontonan*)

Contoh konten: Cara-cara mengurus perniagaan.

 TEMPAT KE-3

TECHNOLOGY AND GADGETS

Teknologi dan Gadget

\$ CPM: 7 USD – 15 USD (*RM29 – RM63 per 1,000 tontonan*)

Contoh konten: Unboxing gadget.

 TEMPAT KE-2

REAL ESTATE

Hartanah

 **CPM:** 8 USD – 16 USD (*RM34 – RM67 per 1,000 tontonan*)

Contoh konten: *Tips memilih lokasi rumah.*

 TEMPAT PERTAMA

FINANCE AND INVESTING

Kewangan dan Pelaburan

 **CPM:** 8 USD – 18 USD (*RM34 – RM76 per 1,000 tontonan*)

Contoh konten: *Ilmu tentang saham.*



— BAHAGIAN TIGA —

03



SAMPLE AGREEMENT KAWTIM

*Template agreement bernilai RM2,000 percuma untuk anda —
lengkap dengan tips guaman dan panduan mati setem*



Di dalam ebook induk, saya ada dedahkan rahsia mengenai bagaimana kawan saya yang juga merupakan anak murid saya dalam bidang content creator buat duit sebanyak **RM95,000 sebulan** di Facebook melalui teknik **KAWTIM**.



Untuk melaksanakan teknik ini, antara kriteria yang perlu ada ialah **agreement bertulis** yang dibuat oleh lawyer agar kelihatan lebih meyakinkan dan menarik perhatian. Ya, saya juga adalah *lawyer* yang berpengalaman dalam membuat pelbagai jenis agreement. Sebelum ini ada pihak yang telah mendapatkan khidmat guaman saya untuk draf agreement kawtim ini.

Tahu tak berapa harga yang telah saya caj untuk draf agreement kawtim ini?

Saya telah caj sebanyak **RM2,000**. Resit pendua ini adalah buktinya.

RESIT RASMI Official Receipt		Tarikh / Date	NO. RESIT / Receipt No.
Diterima Dari Received From		16/7/2025	1305
Wang Yang Diterima The Sum of Ringgit		SAIFUL ANUAR B. MOHD AKIL	
Untuk Bayaran In Payment Of		DUA RIBU SAHAJA	
RM 2000/=		CUSTOM AGREEMENT (KAWTIM)	
Bank	Yang Menerima / Issued By		
Cheque No.	A		

Resit rasmi RM2,000 untuk custom agreement kawtim

Kalau lawyer lain rasanya mungkin lebih tinggi harganya.



Tetapi... Untuk anda yang membeli ebook mini ini, saya berikan sample agreement ini secara **PERCUMA** sahaja. Agreement ini pula boleh dipakai **berkali-kali**. Untung banyak bukan?

Anda boleh download agreement kawtim versi sample isi tempat kosong dengan klik button di bawah:

↓ DOWNLOAD AGREEMENT KAWTIM

Sample agreement kawtim tersebut adalah jenis ada tempat kosong yang perlu anda isi. Sebab itulah ia boleh dipakai berkali-kali. Lain pihak, lain butiran yang boleh diisi pada tempat kosong.

Sebagai panduan untuk mengisi tempat kosong agreement ini, di sini saya paparkan **agreement kawtim versi penuh** sebagai rujukan supaya anda tahu cara-cara untuk mengisinya.

Bertarikh.....

PERJANJIAN PENGGUNAAN VIDEO

DI ANTARA

**ARIF MUAZZIM BIN ABDUL RAHMAN
(NO.K/P: 810418-14-5373)**

(“Pihak Pertama”)

DAN

**ABDULLAH ALIF BIN DAHLAN
(NO.K/P: 850418-07-5183)**

(“Pihak Kedua”)

DISEDIAKAN OLEH:

Arif Muazzim, Zawani & Co.
No. 23-2B, Jalan Desa 9/4
Bandar Country Homes
48000 Rawang
Selangor.

PERJANJIAN INI DIBUAT pada haribulan tahun 2025,

DI ANTARA

ARIF MUAZZIM BIN ABDUL RAHMAN (NO.K/P: 810418-14-5373) yang beralamat di No. 55, Jalan Seri Permai, Taman Seri Permai, 53300 Kuala Lumpur.

(Selepas ini dirujuk juga sebagai "*Pihak Pertama*").

DAN

ABDULLAH ALIF BIN DAHLAN (NO.K/P: 850418-07-5183) yang beralamat di 458-B, Mukim 18 Mengkuang, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

(Selepas ini dirujuk juga sebagai "*Pihak Kedua*").

MAKA DENGAN INI ADALAH DIPERSETUJUI seperti berikut :

1. DEFINISI & INTERPRETASI

"*Video tersebut*" bermaksud – Video milik Pihak Kedua yang ingin dipinjam oleh Pihak Pertama seperti butiran yang tertera di dalam perjanjian ini. Ia boleh jadi lebih daripada satu video jika butirannya dimasukkan ke dalam perjanjian ini.

2. PENGENALAN

Pihak Pertama adalah pemilik sebuah akaun Facebook/page yang bernama 'AMAR'. Link: <https://www.facebook.com/profile.php?id=100044540284829>

Pihak Kedua pula adalah pemilik sebuah channel Youtube yang bernama 'Alif Bosku'. Link: <https://www.youtube.com/@AlifBosku>

Pihak Pertama ingin meminjam video milik Pihak Kedua yang berjudul atau mempunyai caption 'Unboxing Kotak Hadiah Papazola The Movie'.

Link: <https://www.youtube.com/watch?v=QGpnWJg9XKE>

Pihak Pertama ingin meminjam dan memuat naik video Pihak Kedua ini di akaun Facebook/page miliknya tersebut pada tarikh 11/12/2025.

Pihak Kedua bersetuju untuk meminjamkan video tersebut kepada Pihak Pertama dengan syarat dan terma seperti yang termaktub di dalam perjanjian ini.

3. PENGESAHAN

Pihak Kedua dengan ini mengesahkan bahawa:

1. Video tersebut tidak pernah diberikan atau dipinjamkan kepada pihak lain sebelum ini.
2. Video tersebut tidak pernah dimuat naik ke mana-mana platform META seperti Facebook, Instagram, Whatsapp dan Thread.

Pihak Pertama dengan ini mengesahkan bahawa:

1. Pihak Pertama faham bahawa bayaran wang hasil monetization video tersebut yang diberikan kepada Pihak Kedua tidak bererti video tersebut menjadi hak milik Pihak Pertama. Video tersebut hanya dipinjam oleh Pihak Pertama dari Pihak Kedua sepanjang tempoh perjanjian ini.
2. Video tersebut tidak melanggar mana-mana peraturan platform META dan undang-undang negara. Sekiranya berlaku perkara-perkara yang tidak diingini melibatkan video tersebut, Pihak Pertama tidak boleh menyalahkan Pihak Kedua.

4. DURASI PERJANJIAN

Perjanjian ini berlangsung selama 3 bulan sahaja dari tarikh perjanjian ini dimasuki. Ini bermakna, video tersebut akan berada di akaun Facebook/page Pihak Pertama tidak lebih dari 3 bulan dari tarikh perjanjian ini dimasuki.

Oleh itu, perjanjian ini akan tamat dan Pihak Pertama akan memadam video tersebut dari akaun Facebook/page miliknya pada tarikh 11/3/2026.

Video tersebut boleh kekal berada di akaun Facebook/page milik Pihak Pertama jika dipersetujui oleh Pihak Kedua dan hal tentang persetujuan ini ditulis pada Perkara 20 di dalam perjanjian ini.

5. BALASAN

Pihak Pertama bersetuju untuk berkongsi hasil monetization video tersebut dengan Pihak Kedua dengan nisbah 50:50. Ini bermakna Pihak Kedua berhak untuk mendapat hasil monetization video tersebut sebanyak 50% daripada jumlah monetization keseluruhan yang terkumpul untuk video tersebut.

6. KUASA

Pihak Kedua mempunyai kuasa ke atas Pihak Pertama untuk:

1. Pada bila-bila masa sahaja dan secara munasabah dalam tempoh perjanjian ini mengarahkan Pihak Pertama untuk memberi screenshot atau tangkapan skrin pada mana-mana bahagian insight hantaran video tersebut kepada Pihak Kedua. Ini bagi memastikan ketelusan dan ketepatan pengiraan hasil monetization.
2. Pada bila-bila masa sahaja dan secara munasabah dalam tempoh perjanjian ini mengarahkan Pihak Pertama untuk memadam mana-mana sahaja komen warga internet yang dapat menjejaskan nama baik Pihak Kedua di ruangan komen pada hantaran video tersebut

7. TANGGUNGJAWAB PIHAK PERTAMA

1. Secara munasabah menjaga nama baik Pihak Kedua.
2. Memberi screenshot pada mana-mana bahagian insight hantaran video tersebut kepada Pihak Kedua apabila diminta oleh Pihak Kedua.
3. Memadam komen-komen warga internet yang dapat menjejaskan nama baik Pihak Kedua di ruangan komen pada hantaran video tersebut.
4. Hanya memuat naik video tersebut pada akaun dan platform seperti yang dipersetujui di dalam perjanjian ini sahaja.
5. Mendapatkan kebenaran Pihak Kedua terlebih dahulu sekiranya Pihak Pertama ingin membuat suntingan atau perubahan kepada video tersebut sebelum ia dimuat naik.
6. Tidak membatalkan perjanjian ini sesuka hati melainkan dipersetujui oleh Pihak Kedua.
7. Perlu berikan link atau pautan video tersebut kepada Pihak Kedua sebaik sahaja ia dimuat naik.

8. Menyerahkan wang hasil monetization bahagian Pihak Kedua dalam tempoh seminggu sebelum perjanjian ini tamat melalui pindahan wang atas talian kepada akaun bank berikut:-

Bank: Maybank.

Penama Akaun Bank: Abdulah Alif Bin Dahlan.

Nombor Akaun Bank: 1644 7686 5462.

8. TANGGUNGJAWAB PIHAK KEDUA

1. Membenarkan Pihak Pertama meminjam video tersebut dengan terma dan syarat seperti yang termaktub di dalam perjanjian ini.
2. Pihak Pertama boleh muat turun video tersebut pada hantaran asal Pihak Kedua untuk tujuan terma dan syarat di dalam perjanjian ini. Akan tetapi, dikhuatiri kualiti video tersebut terjejas disebabkan proses muat turun. Maka dengan itu, Pihak Kedua perlu menyerahkan salinan asal video tersebut kepada Pihak Pertama untuk tujuan terma dan syarat seperti yang termaktub di dalam perjanjian ini.
3. Tidak membatalkan perjanjian ini sesuka hati melainkan dipersetujui oleh Pihak Pertama.

9. PELANGGARAN PERJANJIAN

1. Pihak Pertama dan Pihak Kedua kedua-duanya boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak berlawanan masing-masing sekiranya pihak berlawanan masing-masing melanggar mana-mana syarat dan terma di dalam perjanjian ini bagi menuntut sebarang kerugian, denda atau penguatkuasaan perjanjian ini.
2. Selain ganti rugi berbentuk 'restitutio in integrum', Pihak Pertama juga bersetuju untuk membayar denda sebanyak RM50,000.00 kepada Pihak Kedua sekiranya Pihak Pertama melanggar mana-mana syarat dan terma di dalam perjanjian ini.
3. Selain ganti rugi berbentuk 'restitutio in integrum', Pihak Kedua juga bersetuju untuk membayar denda sebanyak RM50,000.00 kepada Pihak Pertama sekiranya Pihak Kedua melanggar mana-mana syarat dan terma di dalam perjanjian ini.

10. PIHAK KEDUA DENGAN INI BERSETUJU:

Bersetuju dengan semua pernyataan, terma dan syarat di dalam perjanjian ini.

11. PIHAK PERTAMA DENGAN INI BERSETUJU:

Bersetuju dengan semua pernyataan, terma dan syarat di dalam perjanjian ini.

12. PERUBAHAN PERJANJIAN

Sebarang perubahan atau pindaan terhadap terma atau syarat perjanjian ini tidak boleh dibuat kecuali dengan persetujuan bertulis kedua-dua belah pihak.

13. IKATAN PERJANJIAN

Perjanjian ini adalah terikat kepada semua waris-waris, penerima pusaka, pengganti hak dan penerima hak Pihak Pertama dan Pihak Kedua. Sekiranya salah satu pihak di dalam perjanjian ini meninggal dunia atau hilang kewarasan, maka waris atau penerima pusakanya terikat untuk meneruskan dengan terma-terma yang terkandung di dalam perjanjian ini.

14. UNDANG-UNDANG

Perjanjian ini adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia.

15. MASA

Masa apabila disebut di dalam perjanjian ini adalah penting.

16. KESELURUHAN PERJANJIAN

Perjanjian ini merangkumi semua terma dan syarat yang disepakati antara Pihak-pihak mengenai perkara ini dalam perjanjian ini dan menggantikan serta membatalkan semua aspek pernyataan, jaminan, perjanjian dan janji sebelumnya, jika ada, yang dibuat antara Pihak-pihak.

17. FORCE MAJEURE

Walau apa pun mana-mana peruntukan yang bertentangan di sini, tiada pihak boleh bertanggungjawab kepada pihak yang satu lagi untuk apa-apa kerugian, kecederaan atau kerosakan atau kemalangan lain walau apa pun dan walau bagaimanapun dialami atau ditanggung oleh pihak lain itu disebabkan berlakunya keadaan merbahaya, sekatan keluar, kebakaran, banjir, cuaca buruk, bencana alam, tindakan kerajaan, perubahan undang-undang kecil dan peraturan kerajaan atau apa-apa sebab lain yang di luar kawalan munasabah pihak yang melaksanakan tanggungjawabnya terjejas oleh mana-mana kes sedemikian.

18. KEMAAFAN (WAIVER) ATAU PERSETUJUAN (ACQUIESCENCE)

Pengetahuan atau persetujuan oleh Pihak Pertama atau Pihak Kedua terhadap pelanggaran mana-mana syarat dan stipulasi perjanjian ini tidak boleh ditafsirkan sebagai kelonggaran mana-mana syarat dan stipulasi berkenaan atau yang lain tanpa mengira pengetahuan atau persetujuan yang diberikan. Kedua-dua pihak akan menggunakan hak-haknya di bawah perjanjian ini untuk menentukan hak-hak di bawah perjanjian ini untuk menentukan syarat dan stipulasi perjanjian ini dipatuhi sepenuhnya oleh pihak yang satu lagi.

19. KETERASINGAN

Apa-apa terma, syarat, ketetapan, ketentuan, perjanjian atau pelaksanaan perjanjian ini yang menyalahi undang-undang, dilarang atau tidak dapat dilaksanakan dalam bidang kuasa mana-mana bidang kuasa tersebut tidak akan membatalkan baki terma, syarat, ketetapan, ketentuan, perjanjian atau pelaksanaan lain yang terkandung dalam perjanjian ini.

20. LAIN-LAIN TERMA DAN SYARAT (JIKA ADA)

1.

Tandatangan, Pihak Pertama: Pihak Kedua: Tarikh:

2.

Tandatangan, Pihak Pertama: Pihak Kedua: Tarikh:

(Tamat)

Sebagai menyaksikan perjanjian ini dan setelah memahami isi kandungan perjanjian ini sepenuhnya, Pihak Pertama dan Pihak Kedua dengan ini menurunkan tandatangan masing-masing dengan rela hati, tanpa sebarang paksaan, tanpa pengaruh tidak berpatutan dan tanpa salah nyata pada hari dan tarikh seperti yang tersebut di atas.

Ditandatangani untuk dan }
bagi pihak **Pihak Pertama** di }
hadapan:- }

.....

NAMA:.....

NO. K/P:

Ditandatangani untuk dan }
bagi pihak **Pihak Kedua** di }
hadapan:- }

.....

NAMA:.....

NO. K/P:

.....
Nama:
NO. K/P:

Selepas sains agreement, anda boleh juga pergi ke mana-mana cawangan **LHDN** untuk matikan setem sekiranya anda adalah pihak berstatus individu. Jika anda adalah pihak berstatus syarikat, anda perlu buat proses mati setem ini secara *online*. Sila buat carian di Google atau terus hubungi mana-mana cawangan LHDN untuk bertanya cara-cara untuk mati setem secara online.

Tips Guaman: Penurunan Tandatangan Pada Agreement

Agreement boleh juga untuk tidak ditandatangani secara serentak dan bersemuka bersama-sama dengan semua pihak di dalam satu perjumpaan. Ia boleh ditandatangani secara **berasingan tempat dan waktu**.

Sebagai contoh, kita andaikan agreement adalah melibatkan 2 pihak berstatus syarikat sendirian berhad:

Seorang pengarah syarikat berstatus sendirian berhad menurunkan tandatangan dan **Cop Common Seal** terlebih dahulu sebanyak 2 salinan perjanjian. Kemudian dia serahkan 2 salinan perjanjian tersebut kepada pihak satu lagi yang juga sebuah syarikat berstatus sendirian berhad untuk ditandatangani oleh pengarah dan diCop Syarikat serta ditandatangani oleh **Company Secretary** mereka.

Agreement tersebut boleh juga ditandatangani oleh seorang pengarah sahaja dengan syarat ada cop Common Seal.

Jika menggunakan cop Common Seal, pihak-pihak perlu pastikan bahawa pihak berlawanan masing-masing telah mendapat persetujuan **Board Resolution**.

**DENGAN SYARAT:**

Pihak-pihak perlu menggunakan mana-mana **peguam BERLESEN DAN BERDAFTAR** untuk tandatangan sebagai saksi mereka pada bahagian tandatangan saksi. Peguam tersebut juga tuliskan nama penuh dan no. IC beliau pada bahagian tandatangan saksi tersebut. Kemudian peguam tersebut wajib cop nama peguam dan cop firma guamannya.

Ia bagi memastikan bahawa tandatangan pihak-pihak tidak dipalsukan.

Pihak-pihak perlu menyimpan salinan agreement masing-masing dan pergi matikan setem di mana-mana cawangan LHDN.

Tips Guaman: Mati Setem

Sebenarnya agreement kalau tak mati setem pun *tak apa* jika anda yakin tak akan berlaku masalah. Mati setem sebenarnya hanyalah bertujuan supaya agreement bertulis tersebut boleh dimasukkan ke dalam mahkamah sebagai bahan bukti dan keterangan sahaja.

Anda boleh juga tak payah matikan setem terlebih dahulu. Jika berlaku pertikaian dan perlu masuk mahkamah, barulah pergi matikan setem. Cuma, anda mungkin kena bayar juga denda lewat matikan setem.

Harga kos mati setem mungkin berbeza di antara cawangan-cawangan LHDN. Oleh itu, anda boleh *survey* dulu dan banding harga sebelum mati setem.

i Tapi jika anda dapati bahawa harga mati setem agreement ini hanyalah **RM10**, seeloknya anda terus sahaja mati setem siap-siap. Ini kerana ada agreement yang dikenakan bayaran beratus atau beribu ringgit. Biasanya agreement yang dikenakan bayaran mati setem yang mahal adalah agreement yang mendatangkan untung besar daripada transaksi berkaitan agreement tersebut.



— BAHAGIAN EMPAT —

04



LOD PELANGGARAN COPYRIGHT

*Cara hantar Letter of Demand kepada pencuri konten —
lengkap dengan sample LOD dan tips guaman*



Apa itu **LOD**? LOD bermaksud **Letter Of Demand** atau *Surat Tuntutan / Amaran Tindakan Undang-undang*.

Sebelum itu, biar saya cerita dahulu mengenai isu berkaitan pencuri konten atau pelanggaran copyright dalam hal Facebook monetization.


Perkara yang sangat **menyakitkan hati** para content creator ialah, apabila kita penat-penat perah idea, korbankan masa, tenaga dan wang ringgit untuk buat konten, kemudian apabila konten tersebut meletop, FYP atau mendapat sambutan, tiba-tiba ada pihak lain yang curi konten kita dan dia reupload serta monetize di akaun Facebook/page miliknya. Lebih menyakitkan hati lagi apabila dia reupload konten tersebut jumlah tontonannya lebih tinggi daripada jumlah tontonan video yang kita sendiri upload di akaun Facebook/page kita.

Pencuri Konten Untung Atas Angin

Pencuri konten tersebut untung atas angin seperti berikut:

- 1 Dia dapat duit dari monetization video kita.
- 2 Dia dapat follower hasil daripada video kita.
- 3 Dia dapat duit komisen program affiliate kerana menggunakan video kita untuk mempromosi link affiliate kepunyaannya.
- 4 Engagement akaun Facebook/page miliknya meningkat.

- 5 Apabila engagement meningkat, biasanya ada pihak yang ingin iklankan produk atau perkhidmatan di akaun Facebook atau page miliknya. Dalam erti kata lain, dia mendapat income yang banyak hasil daripada paid review atau menjual slot iklan.
- 6 Apabila follower akaun Facebook/page miliknya menjadi ramai asbab konten yang dicuri, dia dapat menjual akaun Facebook/page miliknya dengan harga yang tinggi.
- 7 Apabila follower menjadi ramai asbab konten yang dicuri, maka dia akan menjadi terkenal. Oleh itu, dia mungkin akan mendapat job menjadi duta produk dan sebagainya.
- 8 Dan banyak lagi income yang pencuri konten akan dapat hasil daripada aktiviti mencuri konten.

 Oleh itu, jika anda ada video yang tiba-tiba meletop dan viral, **janganlah bagi secara percuma** kepada page-page media. Sila caj misalnya **RM6,000 atau RM7,000**. Ini kerana page media tersebut buat untung daripada video tersebut antaranya seperti untung yang saya sebutkan di atas.

Jika anda tak bertindak, gejala sebegini akan semakin membarah dan akhirnya content creator yang sebenar akan teraniaya.

Kaitan Dengan CPM Keseluruhan

Sebab apa teraniaya? Antaranya sebab gejala ini juga akan menyebabkan income para content creator yang tulen menurun. Ini kerana ia berkaitan juga dengan **CPM**. Di sini saya ingin dedahkan tentang tips untuk tingkatkan CPM yang saya tak dedahkan dalam ebook induk.

Dalam ebook induk, saya ada ajar tentang CPM. Ia berkaitan dengan cara-cara untuk dapatkan income monetization yang berkualiti.

Sebenarnya ada satu lagi cara yang saya tak kongsi kerana *agak kejam*.

Yang saya ajar dalam ebook induk tersebut hanyalah untuk tingkatkan CPM akaun Facebook/page atau video sendiri.

Cara yang agak kejam ini adalah untuk tingkatkan CPM **semua content creator** di platform Facebook secara keseluruhannya.

Sekarang biar saya dedahkan di sini.

i Untuk pengetahuan anda, kalau kita **reput atau benamkan** video-video atau page-page "content creator" yang jenis suka cilok video orang lain untuk monetize a.k.a *content creator palsu*, income monetization semua content creator yang tulen di Facebook akan meningkat.

Ini kerana, hal ini berkaitan dengan **peruntukan dana**.

Apa maksudnya tu? Maksudnya ialah peruntukan dana monetization sudah ditetapkan oleh pihak META atau pihak advertiser.

Misalnya untuk Malaysia, pihak META memperuntukkan wang sebanyak **RM100 juta** untuk diberi kepada para content creator, atau pihak advertiser keseluruhannya memperuntukkan wang sebanyak RM100 juta untuk pengiklanan di FB (Malaysia).

Bayangkan jika RM20 juta daripada wang peruntukan tersebut dapat kepada para content creator palsu yang untung atas angin dengan hanya mencuri dan monetize video milik orang lain. Ini bermakna, para content creator tulen yang bertungkus-lumus membuat original content hanya dapat RM80 juta.

Oleh itu, kalau kita "*attack*", benamkan atau ambil tindakan kepada para content creator palsu, RM100 juta tersebut akan dapat kepada content creator tulen.

“

Maka, CPM pun akan meningkat secara keseluruhan.

Mencuri konten adalah satu kesalahan melanggar copyright.

Selain hal berkaitan tindakan undang-undang yang boleh anda ambil terhadap pencuri konten anda, cara-cara untuk "*attack*" copyright menggunakan sistem yang telah disediakan oleh pihak META juga saya telah kongsi di dalam ebook induk.

Bagi anda yang belum ada ebook induk iaitu ebook **JOM BUAT DUIT DENGAN FACEBOOK MONETIZATION**, sila dapatkannya dengan klik button di bawah:

 **KLIK SINI DAPATKAN EBOOK INDUK**

Cara Hantar LOD Sendiri

Selepas anda berjaya "*attack*" copyright, konten anda yang dicuri oleh pencuri konten akan dipadam oleh pihak META. Ia juga boleh menyebabkan akaun Facebook/page milik pencuri konten itu tidak lagi dapat menjana wang monetization. Lebih teruk lagi, akaun Facebook/page miliknya juga boleh dipadam dari platform Facebook. Walaupun pencuri konten telah menerima akibat ini, ia masih tidak mencukupi kerana dia boleh buat akaun Facebook/page yang lain dan membuat modus operandi yang sama.

Oleh sebab inilah, di dalam ebook mini ini saya kongsi juga dengan anda **sample LOD (Letter Of Demand) versi orang awam**.

Anda boleh guna sample LOD ini untuk hantar sendiri LOD kepada pihak yang mencuri konten anda asalkan anda tahu butiran pencuri konten tersebut seperti alamat pencuri konten.

Antara cara-cara untuk mendapatkan alamat pencuri konten ialah, jika pencuri konten adalah akaun Facebook/page sebuah syarikat, biasanya terdapat alamat syarikat pada bahagian '*About*' akaun Facebook/page miliknya. Jika tiada, carian **SSM** boleh dibuat untuk mendapatkan alamat syarikat.

Metod Penghantaran LOD

Metod penghantaran LOD pula sebaiknya anda pilih penghantaran secara **pos A.R. Berdaftar**. Melalui cara ini, anda boleh pantau penghantaran LOD. Apabila LOD berjaya dihantar, selain sistem akan maklumkan bahawa LOD sudah diterima oleh penerima, **kad kuning** yang telah ditandatangani oleh penerima juga akan dikembalikan kepada anda. Ini adalah contoh sampul surat mengandungi LOD yang saya hantar menggunakan pos A.R. Berdaftar.



Sampul surat LOD pos A.R. Berdaftar — bahagian depan



Sampul surat LOD pos A.R. Berdaftar — bahagian belakang

Ini pula adalah contoh kad kuning yang telah ditandatangani oleh penerima dan telah dikembalikan kepada saya.



AR AKUAN TERIMA
ACKNOWLEDGEMENT
RECEIPT
DOMESTIC

URUSAN POS
POS MALAYSIA BERHAD 199101019653(229990-M)

Pos R & P 10 Pind. 5/2025
POS
MALAYSIA

Hanya sah digunakan bersama Track On 7 / Track On 9

A. (Untuk dilengkapkan oleh pengirim)
(To be completed by sender)

NAMA DAN ALAMAT PENGIRIM:
Name and address of sender:

ARIF MUAZZIM, ZAWANI & CO
Advocates & Solicitors
No. 23-2B, Jalan Desa 9/4,
Bandar Country Homes
48000 Rawang, Selangor

Poskod: No. Telefon: 0133153709
Postcode: Telephone No.: 0133153709

No. Pos Daftar:
Pos Daftar No.: FOR ARCARD PURPOSES RWZ01939364MY

Nama Penerima: Wan Anep
Recipient's Name: Wan Anep

Tarikh: 15/12/25
Date: 15/12/25

B. (Untuk dilengkapkan oleh penerima)
(To be Completed by recipient)

Akwon Penerima
Saya sebagaimana Penama di bawah mengesahkan telah menerima
Pos Daftar ini. / I hereby confirm receipt of this Pos Daftar.

Nama Penerima: WAN ANEP
Name of Recipient: WAN ANEP

No. Kad Pengenal: 891229
Identification Card No: 891229

No. Telefon:
Telephone No.:

Tandatangan:
Signature: [Signature]

Tarikh: 19/12
Date: 19/12

JALAN SULTAN
18/12/2025
POS MALAYSIA
Cap-Tarikh Serahan
SELANGOR

Kad kuning A.R. yang telah ditandatangani penerima

- i** Perkara ini penting sebagai **bukti penghantaran dan penerimaan LOD** sekiranya selepas itu anda ingin teruskan dengan tindakan undang-undang. Selain itu, ia bertujuan untuk memastikan bahawa LOD betul-betul sampai kepada penerimanya.

Jika pencuri konten tersebut **takut** kepada LOD yang anda hantar tersebut, maka dia akan patuh kepada tuntutan anda. Jika dia tak takut, anda perlu menggunakan khidmat peguam untuk terus sahaja membuat saman sivil terhadapnya jika anda mahu tuntutan ganti rugi dan sebagainya.

Jika pencuri konten anda berstatus *anonymous*, anda hanya boleh attack copyright menggunakan sistem yang telah disediakan oleh pihak META seperti yang saya ajar di dalam ebook induk.

Anda boleh download LOD versi sample isi tempat kosong dengan klik button di bawah:

↓ DOWNLOAD SAMPLE LOD

Sample LOD versi orang awam tersebut adalah jenis ada tempat kosong yang perlu anda isi. Ia boleh dipakai berkali-kali. Lain pihak, lain butiran yang boleh diisi pada tempat kosong.

Sebagai panduan untuk mengisi tempat kosong LOD versi orang awam ini, saya juga ada sertakan **LOD versi penuh** sebagai rujukan untuk anda.

AMAR MAGICAL CONSULTANT AND TRAINING

NO. 69, JALAN DESA 4/11, BANDAR COUNTRY HOMES, 48000 RAWANG, SELANGOR.

EMAIL: servis@amar.com.my PHONE NO: 013-3561772 FAX: 03-60932013

WEBSITE: WWW.AMAR.COM.MY

RUJ.TUAN/YOUR REF:

RUJ.KAMI/OUR REF : AMZC/LOD-ALIF/362-2025

TARIKH/DATE : 10/12/2025

ALIF BIN AHMAD
NO. 32, JALAN DC 2/5
DESA COALFIELDS
47000 SUNGAI BULOH
SELANGOR

A.R. BERDAFTAR

Tuan/Puan,

PER: NOTIS TUNTUTAN PELANGGARAN HAK CIPTA

Merujuk kepada perkara di atas, saya Arif Muazzim Bin Abdul Rahman mewakili syarikat Amar Magical Consultant And Training yang memiliki akaun Facebook/page yang bernama 'AMAR' ingin membuat tuntutan mengenai pelanggaran hak cipta terhadap pihak tuan.

Pada tarikh 8/12/2025, kami telah mendapati bahawa pihak tuan telah mengambil dan memuat naik harta intelek kami iaitu video ke akaun Facebook/page 'TV Suka Ria' yang dimiliki dan dikawal oleh pihak tuan tanpa kebenaran dan tanpa memberi bayaran kepada kami.

Berikut adalah butiran mengenai perkara ini:

Link video asal milik pihak kami yang dimuat naik ke akaun Facebook/page pihak kami:

<https://www.facebook.com/share/r/1FsUzJA8Wn/>

Link video kami yang telah dimuat naik oleh pihak tuan ke akaun Facebook/page pihak tuan:

<https://www.facebook.com/100044540284829/videos/314790921068318>

Sila rujuk gambar-gambar tangkapan skrin pada bahagian lampiran.

Semua harta intelek termasuk video adalah dilindungi di bawah undang-undang hak cipta secara automatik tanpa perlu didaftarkan secara rasmi. Selain boleh diambil tindakan oleh pemilik hak cipta di bawah undang-undang sivil, menggunakan karya berhakcipta tanpa kebenaran pemilik juga boleh dikenakan tindakan undang-undang oleh pihak berkuasa di bawah Akta Hak Cipta 1987. Sabit kesalahan boleh didenda maksimum RM250,000.00 atau penjara maksimum 5 tahun atau kedua-duanya.

Pihak tuan telah melakukan kesalahan melanggar hak cipta terhadap kami. Oleh itu, kami menuntut perkara-perkara berikut daripada pihak tuan:

1. Ganti rugi nominal dan punitif sebanyak RM100,000.00.
2. Memadam video milik kami tersebut dari akaun Facebook/page milik tuan.
3. Membuat video permohonan maaf secara terbuka kepada pihak kami dan memuat naik video permohonan maaf tersebut ke akaun Facebook/page milik tuan.

Pihak tuan diberi masa selama **14 hari** dari tarikh surat ini untuk memenuhi tuntutan kami seperti di atas.

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa jika pihak tuan gagal berbuat demikian, pihak kami akan meneruskan dengan tindakan undang-undang tanpa memaklumkan kepada pihak tuan terlebih dahulu. Sebagai tambahan, pihak tuan juga akan menanggung ganti rugi-ganti rugi yang lain, faedah, kos guaman dan kos mahkamah. Ini bermakna, pihak tuan perlu menanggung kos dan akibat yang lebih besar.


Sekian, terima kasih.

Yang benar,


.....
ARIF MUAZZIM BIN ABDUL RAHMAN

LAMPIRAN

Gambar tangkapan skrin video asal milik pihak kami yang dimuat naik ke akaun Facebook/page pihak kami:



Gambar tangkapan skrin video kami yang telah dimuat naik oleh pihak tuan ke akaun Facebook/page pihak tuan:




Khidmat Guaman LOD

Sekiranya anda mahu **lawyer** yang hantar LOD ini kepada pencuri konten tersebut, anda boleh dapatkan khidmat guaman saya yang juga merupakan seorang lawyer. Biasanya orang lebih takut atau patuh kepada LOD yang dihantar oleh lawyer.

Sila tekan button di bawah ini untuk mendapatkan khidmat guaman saya mengenai LOD atau boleh menghantar WhatsApp kepada nombor **013-3561772**.

 [WHATSAPP KHIDMAT LOD](#)

 **PERHATIAN:** Banyak perkara di dalam ebook ini memerlukan anda rujuk kepada ebook induk. Oleh itu, bagi anda yang belum ada ebook induk iaitu ebook **JOM BUAT DUIT DENGAN FACEBOOK MONETIZATION**, sila dapatkannya dengan klik button di bawah:

 [KLIK SINI DAPATKAN EBOOK INDUK](#)



— TAMAT —

